

1.0 PANDUAN PENGGUNAAN

1.1 Penggunaan

- 1.1.1 Kadar-kadar harga di dalam Jadual Kadar Harga untuk Penyenggaraan Elektrik dan Kerja-kerja Kecil Elektrik ini hendaklah digunakan untuk perkiraan kos bagi kerja-kerja elektrik yang dijalankan secara undi dan segera/kecemasan. Ia tidak sekali-kali boleh digunakan untuk mengira harga bagi kerja-kerja Pindaan di dalam mana-mana Sebutharga atau Kontrak yang berdasarkan Senarai Kuantiti atau Pelan dan Spesifikasi.
- 1.1.2 Kadar-kadar harga ini adalah digunakan untuk kerja-kerja elektrik di kawasan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan adalah tertakluk kepada tambahan Peratusan, sekiranya kerja-kerja dijalankan di kawasan lain di Semenanjung Malaysia.
- 1.1.3 Penggunaan Jadual Kadar Harga ini hendaklah mematuhi Surat Pekeliling Perbendaharaan semasa.
- 1.1.4 Pengurusan kerja-kerja elektrik melalui Undi hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan borang-borang yang telah ditetapkan.
- 1.1.5 Sekiranya berbangkit sebarang masalah mengenai penggunaan Jadual Kadar Harga ini, ianya hendaklah dirujuk kepada Pengarah Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur.

1.2 Tambahan Peratusan

- 1.2.1 Berikut adalah Jadual untuk tambahan peratusan bagi kerja-kerja elektrik yang dijalankan di luar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Ia hendaklah berdasarkan kepada Pejabat JKR Elektrik di dalam Daerah atau Negeri, di mana kerja-kerja elektrik itu dijalankan.

NEGERI	DAERAH	KUMPULAN			
		A kurang dari 16 km	B 16-32 km	C 32-48 km	D lebih dari 48 km
PERLIS	Kangar	4%	9%	12%	14%
KEDAH DARUL AMAN	Kota Setar	3%	8%	11%	13%
	Sungai Petani	3%	8%	11%	13%
	Kulim	3%	8%	11%	13%
	Baling	3%	8%	11%	13%
	Padang Terap	3%	8%	11%	13%
	Yan	3%	8%	11%	13%
	Sik	3%	8%	11%	13%
	Bandar Bharu	3%	8%	11%	13%
	Pendang	3%	8%	11%	13%
	Langkawi	25%	-	-	-
PULAU PINANG	Pulau Pinang	2%	7%	10%	12%
	Butterworth	2%	7%	10%	12%
	Bukit Bendera	15%	-	-	-
	Pulau-pulau	20%	-	-	-
PERAK DARUL RIDZUAN	Kinta	2%	7%	10%	12%
	Kuala Kangsar	3%	8%	11%	13%
	Larut & Matang	3%	8%	11%	13%
	Kerian	3%	8%	11%	13%
	Batang Padang	3%	8%	11%	13%
	Hilir Perak	3%	8%	11%	13%
	Manjung	3%	8%	11%	13%
	Perak Tengah	3%	8%	11%	13%
	Hulu Perak	8%	13%	16%	18%
	Pos Orang Asli	20%	-	-	-
	Pulau-pulau (Pulau Pangkor)	20%	-	-	-
SELANGOR DARUL EHSAN	Semua daerah kecuali Sabak Bernam dan Kuala Selangor	-	5%	8%	10%
	Sabak Bernam dan Kuala Selangor	4%	9%	12%	14%
	Pulau Ketam	20%	-	-	-

NEGERI	DAERAH	KUMPULAN			
		A kurang dari 16 km	B 16-32 km	C 32-48 km	D lebih dari 48 km
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS	Seremban	2%	7%	10%	12%
	Kuala Pilah	3%	8%	11%	13%
	Port Dickson	3%	8%	11%	13%
	Tampin	3%	8%	11%	13%
	Rembau	3%	8%	11%	13%
	Kuala Klawang	8%	13%	16%	18%
	Bandar Baru Serting	8%	13%	16%	18%
MELAKA	Bandar Melaka	2%	7%	10%	12%
JOHOR DARUL TAKZIM	Johor Bahru	3%	8%	11%	13%
	Pontian	3%	8%	11%	13%
	Segamat	3%	8%	11%	13%
	Kluang	3%	8%	11%	13%
	Batu Pahat	3%	8%	11%	13%
	Muar	3%	8%	11%	13%
	Kota Tinggi	6%	11%	14%	16%
	Mersing	8%	13%	16%	18%
	Pulau-pulau	25%	-	-	-
PAHANG DARUL MAKMUR	Bentong	2%	7%	10%	12%
	Temerloh	3%	8%	11%	13%
	Raub	3%	8%	11%	13%
	Bera	3%	8%	12%	14%
	Maran	4%	9%	12%	12%
	Kuantan	5%	10%	13%	15%
	Cameron Highlands	5%	10%	13%	15%
	Kuala Lipis	6%	11%	14%	16%
	Pekan	8%	13%	16%	18%
	Jerantut	8%	13%	16%	18%
	Rompin	8%	13%	16%	18%
	Ulu Tembeling (Taman Negara)	25%	-	-	-
	Pulau Tioman	50%	-	-	-
TERENGGANU DARUL IMAN	Kuala Terengganu	6%	11%	14%	16%
	Dungun	6%	11%	14%	16%
	Kemaman	6%	11%	14%	16%
	Besut	8%	13%	16%	18%
	Hulu Terengganu	8%	13%	16%	18%
	Setiu	8%	13%	16%	18%
	Marang	8%	13%	16%	18%
	Pulau-pulau	25%	-	-	-

NEGERI	DAERAH	KUMPULAN			
		A kurang dari 16 km	B 16-32 km	C 32-48 km	D lebih dari 48 km
KELANTAN DARUL NAIM	Kota Bharu	8%	13%	16%	18%
	Bachok	8%	13%	16%	18%
	Pasir Puteh	8%	13%	16%	18%
	Pasir Mas	8%	13%	16%	18%
	Tumpat	8%	13%	16%	18%
	Tanah Merah	8%	13%	16%	18%
	Machang	8%	13%	16%	18%
	Jeli	8%	13%	16%	18%
	Kuala Kerai	13%	18%	21%	23%
	Gua Musang	13%	18%	21%	23%
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	Labuan	25%	-	-	-
	Pulau-pulau	25%	-	-	-

- 1.2.2 Tambahan Peratusan sebanyak 2 % lagi dari Jadual Kadar Harga hendaklah dibuat sekiranya jalan ke sesuatu tempat kerja hanya boleh dilalui oleh kenderaan berjentera beroda dua (two-wheel vehicle) atau kenderaan berjentera yang mempunyai pacuan empat roda (four-wheel drive vehicle).
- 1.2.3 Tambahan peratusan sebanyak 5 % lagi dari Jadual Kadar Harga hendaklah dibuat sekiranya jalan ke tempat kerja tidak boleh dilalui oleh kenderaan berjentera atau dihalang oleh sungai atau laut, tanpa jambatan.
- 1.2.4 Setelah semua tambahan peratusan yang berkaitan dibuat dan didapati jumlah kos yang diperolehi KURANG DARI RM 1,000.00, tambahan peratusan sebanyak 20% lagi hendaklah dibuat kepada jumlah tersebut. Walau bagaimana pun hasil yang diambil kira adalah tertakluk kepada had maksimum Bayaran kepada Kontraktor sebanyak RM 1,000.00 sahaja.

1.3 Contoh Perkiraan

Pekerjaan dijalankan di kampung 'X' 35 km dari Pejabat JKR Terengganu, Kuala Terengganu yang dihalang oleh sungai tanpa jambatan.

BUTIR-BUTIR KERJA DAN HARGA

NO. FAIL: 10/5/6(SJ.23)

NO. INDEN: 2/043/2005

Perkara: Pendawaian Elektrik Untuk Sebuah Rumah Kerajaan Kelas G JKR. 345 di Kampung 'X', Kuala Terengganu.

Bil	Butir-Butir Kerja	Jadual Kadar Harga			Kuantiti	Harga
		Bhg.	Bil.	RM		
1	Mata lampu l/d suis kutub tunggal 10A.	I	A1	46.00	3	138.00
2	Mata kipas siling l/d suis kutub tunggal 10A, penyambung 10A 3 hala, kotak logam pelekap pengatur dan cangkuk penggantung.	I	A15	81.00	1	81.00
3	Mata soket alir keluar kuasa l/d suis soket alir keluar 13A menggunakan kabel 2 x 2.5mm persegi.	I	A17 (i)	67.00	2	134.00
4.	Kabel polivinil klorida/ polivinil klorida (PVK/PVK) 2 x 10mm persegi l/d pengalir perlindungan.	I	C23	12.80 semeter	5 meter	64.00
5.	Lengkapan Pendafluor jenis salur dengan balast damar poliester jenis kehilangan rendah 6W atau kurang l/d tiub, pemula dan pemuat faktor kuasa, 1 x 36W/40W.	IV	B3	45.00	3	135.00

Jumlah Nilai Kerja :

RM 552.00

1.3 Contoh Perkiraan

Pekerjaan dijalankan di kampung 'X' 35 km dari Pejabat JKR Terengganu, Kuala Terengganu yang dihalang oleh sungai tanpa jambatan.

BUTIR-BUTIR KERJA DAN HARGA

NO. FAIL: 10/5/6(SJ.23)

NO. INDEN: 2/043/2005

Perkara: Pendawaian Elektrik Untuk Sebuah Rumah Kerajaan Kelas G JKR. 345 di Kampung 'X', Kuala Terengganu.

Bil	Butir-Butir Kerja	Jadual Kadar Harga			Kuantiti	Harga
		Bhg.	Bil.	RM		
1	Mata lampu l/d suis kutub tunggal 10A.	I	A1	46.00	4	184.00
2	Mata kipas siling l/d suis kutub tunggal 10A, penyambung 10A 3 hala, kotak logam pelekap pengatur dan cangkuk penggantung.	I	A15	81.00	2	162.00
3	Mata soket alir keluar kuasa l/d suis soket alir keluar 13A menggunakan kabel 2 x 2.5mm persegi.	I	A17 (i)	67.00	2	134.00
4.	Kabel polivinil klorida/ polivinil klorida (PVK/PVK) 2 x 10mm persegi l/d pengalir perlindungan.	I	C23	12.80 semeter	5 meter	64.00
5.	Lengkapan Pendafluor jenis salur dengan balast damar poliester jenis kehilangan rendah 6W atau kurang l/d tiub, pemula dan pemuat faktor kuasa, 1 x 36W/40W.	IV	B3	45.00	4	180.00

Jumlah Nilai Kerja :

RM 724.00

2.0 KEHENDAK AM.

2.1 Bahan-bahan Elektrik

- 2.2.1 Semua bahan dan peralatan elektrik yang digunakan hendaklah yang baru (belum terpakai) dan sesuai kepada sistem bekalan tempatan.
- 2.2.2 Untuk bahan-bahan dan peralatan elektrik, hanya jenama-jenama, jenis-jenis dan model-model yang telah diluluskan oleh JKR akan diterima.
- 2.2.3 Bagi bahan-bahan dan peralatan-peralatan elektrik di mana tiada jenama, jenis atau model yang telah diluluskan oleh JKR, maka pertimbangan untuk penggunaan barang-barang ini boleh dipertanggungjawabkan kepada Ketua Jurutera Elektrik berkenaan.

2.2 Syarat-syarat

- 2.2.1 Kerja-kkerja elektrik yang dijalankan hendaklah mematuhi Undang-Undang, Undang-Undang Kecil, Peraturan-Peraturan, dan Pekeliling-Pekeliling yang dikeluarkan oleh :
 - a. Suruhanjaya Tenaga.
 - b. Jabatan Keselamatan Pekerjaan Dan Kesihatan.
 - c. Jabatan Bomba Dan Penyelamat.
 - d. Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia
 - e. Pemegang Lesen Dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik .
 - f. Pihak Berkuasa Tempatan.
- 2.2.2 Kerja-kkerja elektrik yang dijalankan hendaklah juga mengikut bahagian-bahagian yang berkenaan dengannya di dalam :
 - a. Spesifikasi Standard JKR Cawangan Elektrik
 - b. Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) dan semasa
 - c. Undang-Undang Kecil Seragam Bangunan semasa
 - d. Peraturan-Peraturan Elektrik 1994
 - e. Edisi terbaru MS IEC 364;1996 / BS 7671 (IEE Wiring Regulation)
 - f) 'Standards and Codes of Practice' berkenaan yang dikeluarkan oleh SIRIM/Jabatan Standard.

2.3 Pengujian

- 2.3.1 Kerja-kerja elektrik hendaklah diuji mengikut Peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan semua keputusan ujian hendaklah diserahkan kepada Ketua Jurutera Elektrik berkenaan.
- 2.3.2 Kontraktor hendaklah berurusan dengan pihak Pemegang Lesen / Pihak Berkuasa Bekalan seperti Tenaga Nasional Berhad dan sebagainya untuk keperluan seperti pemeriksaan, pengujian, penyambungan bekalan elektrik, pemasangan meter dan lain-lain.